PP

lwn.

RAZLAN HASSAN

MAHKAMAH RAYUAN, KUALA LUMPUR
ABDUL HAMID MOHAMAD HMR
ABDUL KADIR SULAIMAN HMR
ALAUDDIN MOHD SHERIFF HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: D-05-113-95]
11 MAC 2003

KETERANGAN: *Keterangan pakar - Keterangan ahli kimia - Dadah berbahaya - Kegagalan menyatakan cannabis yang dianalisa bukan Indian Hemp - Sama ada terdapat keraguan mengenai jenis dadah - Sama ada kegagalan menyatakan jenis cannabis menyebabkan pertuduhan di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak terpakai - Mohd Yusof Said v. PP*

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan - Pindaan - Pindaan kepada pertuduhan mengedar dadah di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 kepada s. 12(2) Akta yang sama - Pindaan berasaskan alasan kegagalan ahli kimia menyatakan jenis cannabis yang dianalisanya - Sama ada hakim bicara tersilap dalam membuat pindaan ke s. 12(2)*

Tertuduh dihadapkan ke Mahkamah Tinggi di atas pertuduhan mengedar dadah berbahaya setelah didapati membawa bungkusan yang mengandungi cannabis seberat 1,761.7g, suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB'). Akan tetapi pada akhir kes pendakwa, hakim bicara telah membuat pindaan kepada pertuduhan asal dengan memutuskan bahawa kesalahan dihadapannya wajar dibicarakan sebagai kesalahan di bawah s. 12(2) ADB. Tertuduh mengaku salah kepada pertuduhan tersebut dan dihukum lima tahun penjara bermula dari tarikh penangkapannya. Terkilan dengan keputusan tersebut, pendakwa membuat rayuan ke mahkamah atas alasan hakim bicara tersilap dalam memutuskan bahawa keterangan ahli kimia mengenai takrif 'cannabis' di bawah Akta Dadah Berbahaya tidak spesifik dan mencukupi kerana beliau gagal menyatakan bahawa ia bukannya 'Indian Hemp'. Hujah pendakwa, cuma terdapat satu sahaja takrif 'cannabis' iaitu di bawah s. 2 ADB.

Diputuskan:
Oleh Alauddin Mohd Sheriff HMR

[1] Ahli kimia tersebut telah menjalankan ujian-ujian yang perlu dan diakhirnya beliau menyatakan dadah berbahaya itu adalah "cannabis yang ditakrif di bawah s. 2 ADB." Beliau berpegang teguh kepada pendapatnya pada keseluruhan perbicaraan, iaitu semasa pemeriksaan awal dan pemeriksaan balas. Mahkamah ini berpendapat bahawa fikiran ahli kimia hanya tertumpu kepada 'cannabis' dan bukan dadah lain dan tidak ada keraguan mengenai hal ini. Tambahan pula, tidak terdapat apa-apa tanda dalam keterangannya bahawa dadah berkenaan adalah 'cannabis (Indian Hemp)'. (ms 163 c-e)

[2] Berdasarkan pemerhatian mahkamah ini terhadap keterangan ahli kimia tersebut, maka tindakan hakim bicara meminda pertuduhan asal di bawah s. 39B kepada s. 12(2) ADB adalah salah. Memandangkan jumlah berat bersih dadah berkenaan adalah 1761.7g, yakni 35 kali ganda dari apa yang diperuntukkan oleh s. 39A(2)(f) ADB, maka adalah wajar untuk pertuduhan asal dipinda mengikut s. 6 ADB yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(f) ADB. (ms 165 a & 166 b)

[3] Kes ini hendaklah dikembalikan kepada Mahkamah Tinggi tersebut dengan arahan bahawa tertuduh dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan yang digantikan oleh mahkamah ini. (ms 167 d)

[Rayuan dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Mohd Yusof Said v. PP [1996] 2 CLJ 13 FC ***(dirujuk)***
Shukri Mohamad v. PP [1995] 3 CLJ 799 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 6, 12(2), (3), 37(da), 39A(2)(f), 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak pendakwa - Jabatan Peguam Negara
Bagi pihak responden - Chew Kok Lian; T/n Teo & Chew

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kota Bharu; Perbicaraan Jenayah No: 47-3-91]

Dilaporkan oleh M Maheswaran

PENGHAKIMAN

Alauddin Mohd Sheriff HMR:

Responden di dalam rayuan ini menghadapi satu pertuduhan mengedar dadah berbahaya, iaitu 'cannabis' seberat 1761.7gm, suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB').

Setelah menimbang hujah-hujah daripada timbalan pendakwa raya ('TPR') dan yang bijaksana peguambela di akhir kes pendakwa, Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Kota Bharu ('YA hakim') memutuskan bahawa beliau hanya mendapati satu kesalahan di bawah s. 12(2) ADB terbukti terhadap responden dan beliau meminda pertuduhan sewajarnya. Responden telah mengaku salah atas pertuduhan yang dipinda dan beliau didapati bersalah dan disabitkan dan dihukum penjara selama lima (5) tahun mulai dari tarikh penangkapannya dan didenda RM2,000 atau satu tahun penjara jika gagal membayar denda.

Terkilan dengan keputusan tersebut di atas pendakwa raya merayu terhadap keputusan tersebut kepada mahkamah ini.

Alasan-alasan Rayuan

Rayuan pendakwaraya didasarkan kepada tiga alasan berikut:

1) YA hakim telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan bahawa keterangan ahli kimia (SP1) mengenai takrif 'cannabis' iaitu seperti yang ditakrifkan di bawah ADB 1952 adalah tidak spesifik dan mencukupi kerana gagal untuk menyatakan ianya bukan 'Indian Hemp' sedangkan cuma terdapat satu sahaja takrif bagi 'cannabis' iaitu di bawah s. 2 ADB 1952.

2) YA hakim telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta apabila memutuskan kes *prima facie* telah dibuktikan bagi pertuduhan di bawah s. 12(2) ADB 1952 kerana memiliki 'cannabis (Indian Hemp)' seberat 1,761.7gm dan boleh dihukum di bawah s. 12(3) ADB 1952 sedangkan keterangan ahli kimia (SP1) jelas membuktikan bahan pertuduhan adalah 'cannabis' seperti yang ditakrifkan di bawah s. 2 ADB 1952.

3) Yang Arif hakim telah tersilap dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal memutuskan pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* di bawah s. 39B(1)(a) ADB 1952.

Sungguhpun terdapat tiga alasan rayuan yang dikemukakan TPR, alasan kedua, pada hemat kami, adalah sama dengan alasan pertama. Dengan kata lain terdapat duplikasi alasan di sini. Bagi alasan ketiga TPR tidak mengemukakan sebarang hujah mengenainya di hadapan kami. Kami anggapkan ianya telah ditinggalkan. Jadi bagi tujuan penghakiman rayuan ini kami hanya akan mempertimbangkan alasan pertama sahaja.

Fakta-Fakta Kes

Sebelum mahkamah ini mempertimbangkan alasan rayuan tersebut di atas adalah lebih baik jika disebutkan di sini fakta-fakta kes terlebih dahulu.

Fakta-fakta kes seperti yang telah dikemukakan pihak pendakwa adalah seperti berikut:

Pada 5 September 1990 jam 7 pagi di stesyen teksi Rantau Panjang seorang pemandu teksi (SP8) telah memberitahu anggota Unit Pencegah Penyeludupan (UPP) Kpl. Mohd. Daud (SP43) bahawa seorang lelaki telah menawarkan upah RM5 kepada pemandu-pemandu teksi di situ untuk membawa dua bungkusan ke Kota Bharu. Upahan tersebut dikatakan luar biasa tingginya kerana lazimnya upah hanya antara RM1 hingga RM2 sahaja dikenakan bagi membawa barang tanpa penumpang dari Rantau Panjang ke Kota Bharu. Dua (2) bungkusan tersebut yang terletak di tempat penumpang menunggu teksi ditunjuk dari jauh oleh SP8 kepada SP3, dan ia berupa satu bungkusan kertas perang yang bahagian atasnya hanya digulung dan tidak berikat dan satu bungkusan plastik cerah berisi selimut jenis Toto berwarna biru.

SP3 telah cuba menghubungi ketuanya K/Insp. Amran (SP2) melalui talipon tetapi gagal dan terus pergi ke rumahnya untuk menyampaikan maklumat itu. Atas arahan SP2 untuk mengambil tindakan susulan SP3 telah pergi semula ke stesyen teksi bersama seorang lagi anggota UPP. Di sana mereka diberitahu oleh SP8 bahawa kedua bungkusan tadi telah dimuatkan ke dalam sebuah teksi. SP3 dan rakannya terus menyewa sebuah teksi untuk ke Kota Bharu. Mereka telah turun di perhentian teksi Jalan Suara Muda, Kota Bharu di mana SP3 kemudiannya melihat satu bungkusan kertas berwarna perang dan satu bungkusan plastik cerah berisi selimut Toto warna biru di bawah pondok kawalan teksi. SP3 membuat pemerhatian ke atas bungkusan-bungkusan itu dan sejurus kemudian SP2 pun sampai bersama dua orang anggotanya iaitu SP4 dan seorang pegawai imigeresen. SP2 memberi arahan untuk menangkap orang yang datang mengambil bungkusan-bungkusan tersebut. Masing-masing mengambil tempat seperti diarah dan menunggu.

Tidak lama kemudian, lebihkurang pukul 9.20 pagi SP3 yang ketika itu berada di hadapan Restoran Hajjah Fatimah melihat seorang lelaki Melayu berambut 'Afro-look' melintas di hadapannya sambil berpaling ke arah kelilingnya dan memandang ke arah bungkusan-bungkusan di bawah pondok kawalan teksi. Lelaki tersebut yang berbaju kemeja lengan panjang warna coklat terus berjalan sejauh 20 meter ke hujung deretan kedai di situ dan kemudian berpatah balik ke arah SP3. Dia kemudian pergi ke pondok kawalan teksi dan meminta izin dari SP9, yang sedang bertugas di atas pondok itu untuk mengambil bungkusan-bungkusan di bawah pondok. SP9 bangun dari tempat duduknya dan melihat lelaki tersebut mengambil bungkusan-bungkusan itu.

SP3 yang melihat kejadian itu telah memberitahu SP2 yang berada dalam Restoran Hajjah Fatimah dan atas arahannya telah menyerbu dan menangkap lelaki tersebut dengan bantuan SP4. SP2 memperkenalkan dirinya dan mengarahkan lelaki tersebut (dicam sebagai responden) meletakkan bungkusan-bungkusan itu. Responden hanya melepaskan bungkusan-bungkusan tersebut setelah beberapa kali didesak. SP2 telah membuka bungkusan kertas perang di hadapan Responden. Dari dalam bungkusan yang berisi buah rambutan dan langsat itu SP2 telah mengeluarkan satu bungkusan plastik. SP2 telah mengoyakkan sedikit bungkusan itu dan mendapati kandungannya bahan tumbuhan mampat yang disyaki ganja. Responden digari dan dibawa ke pejabat UPP, Kota Bharu bersama kedua-dua bungkusan dan kandungannya yang dirampas oleh SP2.

Di pejabat UPP, SP2 telah membuat pemeriksaan rapi ke atas bungkusan-bungkusan itu. Semua kandungan bungkusan kertas perang dikeluarkan dan didapati ada tiga bungkusan plastik bersama buah rambutan dan langsat itu. SP2 menurunkan tanda tangannya dan tarikh pada ketiga-tiga bungkusan plastik itu yang disyakinya berisi ganja dan juga pada bungkusan kertas perang dan bungkusan plastik berisi selimut Toto. Laporan polis dibuat dan responden bersama barang-barang yang dirampas itu diserah kepada D/Kpl. Ariffin (SP7) daripada Cawangan Anti-Dadah (CAD). SP7 kemudian menyerahkannya kepada SP10, pegawai penyiasat CAD pada tengah hari yang sama.

Tiga (3) bungkusan plastik yang disyaki berisi ganja telah dihantar ke Jabatan Kimia, Kuala Terengganu untuk dianalisa. SP1, Ahli Kimia, yang menerimanya telah menjalankan empat (4) ujian ke atas bahan-bahan tumbuhan yang terkandung dalam bungkusan-bungkusan tersebut dan merumuskan kandungan tersebut adalah 'cannabis' seperti yang ditakrif dalam s. 2 ADB. Jumlah berat kesemuanya ialah 1761.7 gm.

Alasan Pertama: Keterangan Ahli Kimia – 'Cannabis' atau 'Cannabis (Indian Hemp)'

Di dalam keterangannya ahli kimia (SP1) telah memberi penerangan yang panjang lebar mengenai ujian-ujian yang telah beliau jalankan mengenai dadah yang menjadi perkara pokok di dalam kes ini.

Di halaman 15 Rekod Rayuan semasa disoal oleh pendakwa di peringkat awal beliau menyatakan:

> Saya telah menjalankan 4 jenis ujian bahan tumbuhan di dalam bungkusan-bungkusan tersebut. Pemeriksaan pertama ialah pemeriksaan physical. Dalam pemeriksaan ini dengan bantuan kanta pembesar saya telah memeriksa kesemua bahan tumbuhan tersebut dan saya dapati semuanya adalah serupa dan dari satu jenis yang mempunyai ciri-ciri microscope yang sama dengan cannabis.
>
> ...
>
> Daripada ujian DLT dan TLC saya dapati resin pada permukaan bahan tumbuhan tersebut adalah resin cannabis.
>
> Berdasarkan keputusan keempat-empat ujian di atas saya mengesahkan bahawa bahan tumbuhan di dalam bungkusan bertanda E adalah cannabis seperti yang ditakrif di dalam seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952.

Di halaman 21 Rekod Rayuan semasa disoalbalas oleh peguam responden SP1 menyatakan:

> Tiada bilangan tertentu yang dipersetujui tentang berapa specie cannabis yang ada. Bagi maksud kes ini cannabis yang ditakrif di bawah seksyen 2 ADB ialah genus cannabis yang hanya ada satu iaitu cannabis. Tiada lain genus yang sama dengan genus cannabis.
>
> ... . Saya telah membuat pemeriksaan 100% dari segi microscopic dan physical. Dengan pemeriksaan sedemikian bahan sebesar pin pun boleh nampak. Bahan-bahan tumbuhan tersebut adalah cannabis. Tidak ada tanah yang kelihatan.

Setelah mendengar keterangan SP1 seperti tersebut di atas YA hakim berpendapat bahawa berkemungkinan dadah berbahaya itu ialah cannabis jenis Indian Hemp yang mana termasuk di bawah Bahagian 3 Jadual. Tetapi beliau juga berpendapat bahawa di dalam kes ini ahli kimia tidak menyatakan bahawa cannabis yang dianalisanya bukan Indian Hemp. Oleh itu YA hakim menyatakan keraguan timbul kerana ia mungkin jenis tersebut – dan manfaat harus diberi kepada responden. Dengan itu YA hakim

menyatakan s. 37(da) tidak terpakai dan responden hanya boleh melakukan kesalahan di bawah s. 12(2) ADB. Beliau seterusnya meminda pertuduhan kepada pemilikan dadah berbahaya bagi jumlah yang dinyatakan di dalam pertuduhan asal iaitu kesalahan di bawah s. 12(2) yang boleh dihukum di bawah s. 12(3).

Sebelum mahkamah ini mempertimbangkan samada tindakan YA hakim seperti yang tersebut di atas betul atau tidak kami ingin merujuk kepada pertuduhan asal di bawah s. 39B. Dalam soal ini kami bersetuju dengan Yang Arif Hakim bahawa tuduhan mengedar tidak dibuktikan. Ini jelas dari alasan-alasan yang diberikan oleh YA hakim dalam penghakimannya di halaman 95 dan 96 Rekod Rayuan. Beliau menyatakan:

> Melalui keterangan SP8 pendakwa cuba meyakinkan Mahkamah bahawa tertuduhlah lelaki yang telah mengupah pemandu teksi di Rantau Panjang untuk membawa bungkusan-bungkusan berisi dadah itu ke Kota Bharu ...
>
> Tetapi sama ada tertuduh adalah lelaki yang dilihat oleh SP8 di Rantau Panjang adalah meragukan ... .
>
> SP8 menyatakan tertuduh berambut kerinting tidak panjang dan tidak pendek sepertinya (rupa tertuduh sekarang) sedangkan mengikut SP3 dan SP9 tertuduh pada masa itu berambut 'Afro-look', panjang dan berbentuk bulat. Kejadian berlaku lima (5) tahun yang lepas dan SP8 tidak pernah melihat tertuduh sebelum itu dan selepasnya (tiada keterangan) hingga perbicaraan. Tiada kawat cam diadakan bagi maksud SP8 mengecam orang yang dilihatnya di stesyen teksi Rantau Panjang pada pagi kejadian. Juga tiada kepastian bahawa tertuduhlah orang yang membayar upah teksi untuk membawa bungkusan-bungkusan itu walaupun ada seorang pemandu teksi ditawarkan sebagai saksi. Oleh itu adalah dapatan fakta saya bahawa pendakwa gagal membuktikan tanpa keraguan yang tertuduh adalah lelaki yang mengupah RM5.00 kepada pemandu teksi di Rantau Panjang. Tanpa terbukti kaitan tertuduh dengan kejadian di stesyen teksi Rantau Panjang pada pagi berkenaan maka tiada terdapat apa-apa keterangan yang boleh menunjukkan tertuduh mengedar dadah berbahaya tersebut.

Alasan-alasan tersebut di atas amatlah munasabah dan tepat dan seperti yang telah kami katakan diawal tadi kami bersetuju dengan pendapat YA hakim. Kami yakin bahawa pendakwa juga bersetuju dengan pendapat YA hakim kerana mereka tidak mengemukakan apa-apa hujah mengenai perkara ini.

Walau bagaimanapun di dalam penghakimannya di awal halaman 95 Rekod Rayuan YA hakim itu ada menyatakan:

> Fakta kes juga dengan nyata menunjukkan bungkusan kertas perang yang mengandungi tiga bungkusan plastik berisi dadah itu berada dalam jagaan dan kawalan tertuduh semasa beliau ditangkap. Beliau telah ditangkap basah dengan bungkusan yang mengandungi dadah berbahaya itu di tangan kanannya.

Jadi dalam keadaan fakta kes ini dan undang-undang adakah tindakan Yang Arif Hakim itu betul apabila beliau meminda pertuduhan kepada s. 12(2) ADB berdasarkan alasan-alasan yang telah beliau berikan?

Bagi menjawab persoalan ini kami rasa amat wajar jika dirujuk keterangan SP1. Pada penghakiman kami keterangan SP1 amat jelas. Beliau telah menjalankan ujian-ujian yang perlu dan diakhirnya beliau menyatakan dadah berbahaya itu adalah "cannabis yang ditakrif di bawah s. 2 ADB". Beliau menyatakan demikian semasa pemeriksaan awal dan diulangi semasa pemeriksaan balas. Pada hemat kami apa yang terfikir di minda SP1 hanyalah 'cannabis' dan bukan dadah lain. Tidak terdapat di mana-mana pun di dalam keterangannya yang menyatakan dadah itu 'cannabis (Indian Hemp)'. Beliau amat pasti dengan keputusannya. Kami juga yakin bahawa tidak terdapat sebarang keraguan di dalam keterangan SP1 mengenai identiti dadah tersebut. Apa yang beliau maksudkan ialah 'cannabis yang ditakrif di bawah s. 2 ADB'.

Lainlah keadaannya sekiranya ahli kimia itu gagal menyebut s. 2 seperti yang berlaku di dalam kes *Shukri Mohamad v. Public Prosecutor* [1995] 3 CLJ 799. Di dalam kes tersebut ahli kimia di dalam keterangannya gagal menyebut s. 2. Beliau hanya menyatakan "cannabis as defined in the Dangerous Drugs Act 1952".

Mahkamah Agung di dalam penghakimannya menyatakan di halaman 802-804:

> A scrutiny of the record provided shows that, in essence, all the chemist had said on the point at issue was that the result of his examination and analysis of the various quantities of plant material which constituted the subject matter of the charge aforesaid, showed that in each case it was "cannabis as defined in the Dangerous Drugs Act 1952". The aggregate net weight of the cannabis being 25,664.8 g. The judge's notes of evidence shows that there were repeated references by the chemist to the expression

"cannabis as defined in the DDA 1952" with no mention made at any time of the definition section in the Act, of cannabis, to wit, s. 2, which at the material time, provided as follows: "cannabis means any part of any plant of the genus cannabis from which the resin has not been extracted, by whatever name it may be designated".

The glaring omission by the chemist to refer to s. 2 of the Act could give rise to the inference that he did not have in mind the ingredients of cannabis as defined therein, and as explained in the Supreme Court case of *PP v. Alcontara* [1993] 3 MLJ 568 at p. 577.

...

In the present case, the testimony of the chemist also suffered from the defects that it made no mention of the results of his physical examination nor did he mention whether he had carried out any, and if so, what tests. We are thus reminded of some of the infirmities from which the testimony of the chemist in the Supreme Court case of *Leong Bon Huat v. PP* [1993] 3 MLJ 11 suffered which are summarized in the following passage of the judgment of the court (at p. 14C):

> It will be seen that he made no mention of the results of his physical examination; for example, he did not say that the plant material was all of the same type and physical features as that of cannabis, nor did he say what were the results of his microscopic examination. Did he notice any resin in the plant material? If so, in what quantity was it present? Nor did he tell the court as to what were the tests he conducted using chemical methods; for example, did he resort to Dequenois Levine test and/or the thin layer choromatography tests? If so, what were the results of those tests?

...

Having regard to the infirmities in the testimony of the chemist to which we have adverted, his testimony is open to the construction that the plant material examined by him was either 'cannabis' within the meaning of s. 2 of the Act or that it was 'cannabis (Indian Hemp)' listed in Part III of the First Schedule of the Act, though nowhere defined in the Act.

Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah ini seperti yang telah kami jelaskan di awal tadi keterangan ahli kimia (SP1) tidak langsung menampakkan sebarang keraguan atau kecacatan mengenai identiti dadah tersebut iaitu 'cannabis yang ditakrif di bawah s. 2 ADB 1952'.

Di dalam keadaan begini pada penghakiman kami tindakan YA hakim meminda pertuduhan asal di bawah s. 39B kepada s. 12(2) yang boleh dihukum di bawah s. 12(3) ADB adalah salah. Tindakan yang sepatutnya diambil oleh YA hakim ialah meminda pertuduhan asal di bawah s. 39B kepada s. 6 yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(f) ADB 1952.

Seksyen 6 ADB 1952 berbunyi demikian:

> 6. Restriction on possession of raw opium, coca-leaves, poppy-straw and cannabis.
>
> Any person who keeps or has in his possession, custody or control any raw opium, coco-leaves, poppy-straw or cannabis or the seeds of the plants from which they may be obtained either directly or indirectly, except under and in accordance with an authorization such as is referred to in sections 4 and 5 or with any regulation made under section 7 thereof, shall be guilty of an offence against this Act and liable on conviction to a fine of not exceeding twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

Seksyen 39A(2)(f) pula memperuntukkan:

> 39A. Increased penalty where the subject matter is the prescribed amount of certain dangerous drugs
>
> (1) ...
>
> (a) ...;
>
> (b) ...;
>
> (c) ...;
>
> (d) ...;
>
> (2) Every person found guilty of an offence against this Act where the offence is not punishable with death and where the subject matter of the offence is:
>
> (a) ...;
>
> (b) ...;
>
> (c) ...;
>
> (d) ...;
>
> (e) ...;
>
> (f) 50 grammes or more in weight of cannabis;
> ...

> shall, instead of being liable to the punishment provided for that offence under the section under which the person has been so found guilty, be punished with imprisonment for life or for a term which shall not be less than five years, and he shall also be punished with whipping of not less than ten strokes.

Memandangkan jumlah berat kesemua dadah tersebut ialah 1,761.7 gm yakni 35 kali ganda dari apa yang diperuntukkan oleh s. 39A(2)(f) maka kami berpendapat amatlah wajar pertuduhan asal dipinda mengikut s. 6 yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(f) tersebut di atas.

Sebelum kami mengakhiri penghakiman ini kami rasa amat sesuai jika disebutkan di sini keputusan di dalam kes *Mohd. Yusof bin Said v. PP* [1996] 2 CLJ 13. Di halaman 18 Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> The question which arises for our decision is whether the above testimony of the chemist, PW1, to the effect that by "cannabis" he meant cannabis as defined under DDA 1952 and that resin had not been extracted, without specifying the crucial words "s. 2" has given rise to the inference that he did not have in mind the ingredients of cannabis as defined in the said s. 2 of the Act.
>
> In *Shukri*, the appellant appealed to the Federal Court on the ground that the trial Judge was wrong in relying on the evidence of the chemist who merely stated that what he had analysed was "cannabis" as defined in the DDA 1952 without mentioning s. 2 of the Act.

Seterusnya di halaman 20 mahkamah itu menyatakan:

> In our opinion, the rationale in *Shukri* for requiring the chemist to state the expression that "cannabis as defined in s. 2 of the DDA 1952" seems to be that he should be unequivocal and not be in any doubt that the plant material which he had examined and analysed was cannabis as defined in s. 2 and not cannabis as listed in Part III of the First Schedule where the words "Cannabis (Indian Hemp)" appear, though nowhere defined in the Act. Thus, the "glaring omission by the chemist to refer to s. 2 of the Act could give rise to the inference that he did not have in mind the ingredients of cannabis as defined therein ... (per Edgar Joseph Jr. FCJ, at p. 232).

Di halaman seterusnya mahkamah itu menyatakan:

> Having said the above, we are, however of the opinion that the evidence of the chemist, PW1, in the present appeal can be clearly distinguished from *Shukri*. Moreover, his evidence clearly does not suffer from the two defects or infirmities as in *Shukri*. ... In fact, the issue before us is whether it is fatal to omit the words "s. 2", and our answer is that it depends on

the evidence of the chemist in each particular case. If the testimony of the expert witness satisfied the essential ingredients in the statutory definition of "cannabis", then the mere omission to mention the section would not be material and should not affect his expert opinion. Of course, to avoid similar difficulty in future, it would have been better for the chemist to state: "cannabis as defined in s. 2 DDA 1952."

Sekali lagi kami ingin mengulangi pendapat kami bahawa di dalam kes di hadapan mahkamah ini tidak terdapat sebarang kecacatan atau kekurangan di dalam keterangan SP1 mengenai identiti dadah tersebut. Sekalipun SP1 gagal menyebut 's. 2', berdasarkan keputusan dalam kes *Mohd. Yusof* (di atas) ianya tidak akan memudaratkan kes pendakwa.

Berdasarkan alasan-alasan dan otoriti-otoriti yang telah diperjelaskan di atas kami sebulat suara bersetuju bahawa rayuan ini dibenarkan.

Keputusan

Rayuan pendakwa dibenarkan. Kes ini hendaklah dikembalikan kepada Mahkamah Tinggi tersebut dengan arahan bahawa responden dipanggil untuk membela diri di atas pertuduhan di bawah s. 6 yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2)(f) ADB.